

28 SEP 2000

Persidangan-Haji

RESOLUSI PERSIDANGAN HAJI JADI PANDUAN NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Resolusi yang diputuskan pada persidangan haji antarabangsa yang bermula Sabtu ini akan dijadikan panduan bagi negara Islam lain dalam menguruskan penghantaran bakal haji ke Arab Saudi.

Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Badroddin Kassim berkata objektif utama persidangan tiga hari itu adalah untuk mencari modul yang terbaik dan empat buah negara -- Malaysia, Jordan, Senegal dan Turki -- terpilih untuk membincangkan pengalaman mereka dalam menguruskan bakal haji dari negara masing-masing.

Pada sidang media di sini hari ini, beliau berkata hasil daripada pengalaman negara-negara yang terbaik akan dipilih untuk dijadikan cara yang lebih efektif untuk menguruskan haji di tanah suci.

"Tabung Haji akan mengetengahkan segala usaha yang dibuat dalam menguruskan haji sejak 37 tahun yang lalu dan saya yakin dengan pengalaman itu, pendekatan kita dan arah tuju yang telah ditunjukkan oleh kerajaan Malaysia terhadap ibadat haji akan menjadi teladan negara lain," kata beliau.

Beliau berkata mungkin negara lain tidak menjalankan kursus haji sepertimana Malaysia iaitu dengan mengambil masa yang panjang serta penglibatan keseluruhan mereka yang terlibat dalam hal-hal agama.

Tajuk utama yang akan dibincangkan ialah cara untuk membimbing jemaah haji untuk mengerjakan haji yang mabrur, haji yang sempurna dan haji yang diterima oleh Allah.

Badroddin berkata pendekatan untuk mengadakan persidangan seumpama ini oleh kerajaan Arab Saudi adalah satu pendekatan yang baik yang kini lebih bersifat terbuka untuk mendengar dan memilih cara negara-negara lain menguruskan haji.

Selain itu, beliau berkata kehendak jemaah haji yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa juga telah menarik perhatian kerajaan Arab Saudi untuk mengadakan persidangan ini.

"Misalnya, jemaah haji kita yang kebanyakannya tidak boleh berbahasa Arab dan saya dengan sukacita melaporkan pegawai-pegawai di peringkat muhasasah Arab Saudi telah diberi kursus bahasa Malaysia oleh Tabung Haji hasil desakan jemaah haji Malaysia," katanya.

Beliau berkata dalam persidangan itu juga pihaknya akan mendapatkan pandangan dari negara lain mengenai pentadbiran dan pengurusan Tabung Haji bagi memperbaiki lagi.

"Saya difahamkan di Indonesia, mereka menjalankan latihan secara ala tentera dan ia sangat efektif untuk menguruskan kumpulan orang yang ramai dan berjaya untuk jemaah haji di Indonesia," katanya.

"Saya belum pasti sama ada cara ini boleh dilaksanakan di Malaysia, namun saya percaya cara ini lebih cepat dan efektif dan saya akan mencadangkan kepada kerajaan Malaysia dalam menguruskan pergerakan orang yang begitu ramai di tanah suci," katanya.

Menurut Badroddin, peserta-peserta persidangan itu akan dibawa ke Melaka untuk melihat bagaimana Tabung Haji menjalankan kursus-kursus haji di peringkat negeri dan di peringkat daerah.

"Ini mungkin akan diambil contoh oleh negara-negara lain yang pada masa ini menganjurkan kursus secara ad-hoc dalam menyediakan perancangan untuk ke Mekah," katanya.

Katanya Melaka dipilih kerana di negeri itu bermulanya sejarah Islam di Tanah Melayu pada masa dahulu.

Pengurus Besar Kanan Jabatan Haji merangkap Setiausaha Agung Sekretariat Bersama persidangan itu Datuk Dr Azmi Ahmad berkata 14 jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menjayakan persidangan itu dengan

kerjasama pelbagai agensi termasuk Jabatan Perdana Menteri, Wisma Putra, RTM dan Bernama.

Kira-kira 20 hingga 25 orang menteri haji atau agama dari 51 buah negara yang mengambil bahagian akan menghadiri persidangan itu, antaranya dari Pakistan, Sudan, Singapura, Algeria, Syria dan Oman.

Persidangan itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Sabtu ini, akan disiarkan secara langsung ke semua negara perwakilan yang mengambil bahagian.

Negara akan datang yang akan menganjurkan persidangan dua tahun sekali itu akan diputuskan pada persidangan di sini.

-- BERNAMA

NJ AHH RHM